

Sokong kepimpinan PM

UM - 9/6/2006

KUALA LUMPUR 8 Jun - Semakin ramai pemimpin politik di peringkat pusat dan negeri menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas beliau dikritik hebat oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Ada kalangan mereka berpendapat sesetengah isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir sebagai tidak wajar manakala sesetengahnya bertegas bahawa sebarang keputusan atau tindakan Abdullah dalam kapasitinya sebagai Perdana Menteri adalah dibuat secara kolektif.

Dr. Mahathir antara lain mendakwa Abdullah tidak memenuhi beberapa janji yang dibuatnya kepada beliau sebelum menjadi Perdana Menteri.

Antaranya ialah mengenai soal jambatan di Tambak Johor, kedudukan kereta nasional Proton, pembangunan Putrajaya dan dasar kewangan serta ekonomi negara.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata, kenyataan Dr. Mahathir itu cenderung untuk menghakis kredibiliti dan integriti, bukan sahaja terhadap Perdana Menteri tetapi juga kerajaan.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, walaupun kenyataan itu merupakan pandangan peribadi namun akibat dan kesannya agak kritikal.

Kenyataan beliau disokong oleh seorang lagi Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** yang melihat pendekatan dan pelaksanaan setiap Perdana Menteri adalah berbeza.

Katanya, Dr. Mahathir dengan cara beliau, kualiti Abdullah pula sering berbincang dan memberi peluang kepada orang lain untuk mengemukakan pandangan.

"Beliau bertindak mengikut keadaan semasa. Oleh itu, tidak timbul soal beliau tidak menunaikan janji," katanya.

Ketua Pengerang UMNO, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** pula berkata, segala tindakan Perdana Menteri adalah demi kepentingan negara dan bangsa.

Katanya, Abdullah banyak memperkenalkan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan semasa, tindakan itu membuktikan beliau ikhlas dan



MUHYIDDIN YASSIN



MOHD. ALI RUSTAM

sentiasa mahukan bangsanya, rakyat serta negara berada dalam sejahtera.

Presiden MIC, **Datuk Seri S. Samy Vellu** pula berkata, kemenangan besar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu adalah bukti pendekatan dan kepimpinan Abdullah diterima oleh rakyat.

Katanya, mandat besar itu bermakna Abdullah telah berjaya meletakkan Malaysia di landasan yang betul dan memenuhi aspirasi rakyat.

Pengerusi Kebangsaan DAP, **Karpal Singh** yang sentiasa lantang mengkritik kerajaan pula mahu Dr. Mahathir berhenti daripada terus mencampuri urusan kerajaan.